

# Getah balak tanama harapan

PITAS 9 Jun - Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, tanaman getah berpotensi untuk menjadi tanaman 'harapan' berikutan permintaan dunia terhadap produk kayu getah yang tinggi dan menyamai kualiti pokok oak.

Beliau berkata, selain itu, perkembangan semasa ekonomi di China dan India yang sedang pesat membangun juga turut menyumbang kepada permintaan getah asli dunia.

"Pada masa ini kayu getah mempunyai nilai tinggi dan mendapat permintaan yang baik (malah) kayu getah dilabelkan sebagai *Malaysian Oak* oleh peniaga perabot luar negara.

"Saya berharap dengan projek penanaman getah balak ini ia dapat menjadi pokok 'harapan' untuk (rakyat miskin) hidup lebih baik lagi," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap melancarkan Ladang Getah Lembaga Industri Getah Sabah (LIGS) di Semenanjung Bengkoka di sini, hari ini.

Projek tersebut akan membangunkan seluas 10,000 hektar tanaman getah klon TLC dan bakal menghasilkan kira-kira 15,000 tan susu getah setahun bernilai antara RM105 juta hingga RM140 juta.

Menurut Abdullah, kerajaan akan terus membantu meningkatkan pencapaian kajian dan penyelidikan (R&D) pokok dan susu getah menerusi agensi-agensi berkaitan.

Beliau menarik perhatian bagaimana hasil R&D yang dijalankan saintis tempatan berjaya menghasilkan medium daripada susu getah dalam penghasilan sejenis vitamin E untuk kegunaan perubatan.

"Saya sendiri tidak menyangka perkara ini boleh berlaku (penghasilan vitamin E). Inilah hasil R&D kita, banyak produk yang boleh dikomersialkan," ujar beliau.

Katanya lagi, begitu juga dengan R&D yang dijalankan terhadap minyak kelapa sawit sehingga menghasilkan puluhan produk berasaskan tanaman tersebut termasuklah menghasilkan bio-diesel dan biofuel.

Beliau berkata, hasil usaha yang dijalankan oleh kerajaan serta nikmat daripada anugerah kekayaan semula jadi, ekonomi negara kini mampu berkembang baik seterusnya dapat digunakan untuk membantu rakyat.